



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—

Akta 240

AKTA BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980

Sebagaimana pada 1 Disember 2011

**AKTA BADAN BERKANUN
(AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980**

Tarikh Perkenan Dirajah 31 Julai 1980

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 7 Ogos 1980

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 240

AKTA BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PEMAKAIAN DAN PENTAFSIRAN

3. Peruntukan Akta terpakai kepada semua badan berkanun
4. Peruntukan Akta menggantikan peruntukan undang-undang persekutuan lain yang bercanggah atau tidak selaras

BAHAGIAN III PENGAUDITAN AKAUN

5. Had masa bagi penyediaan dan pengemukaan penyata akaun kepada Ketua
6. Audit Negara untuk audit
7. Peruntukan Akta Audit 1957 dipakai

BAHAGIAN IV PENGEMUKAAN DAN PEMBENTANGAN AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN

8. Had masa bagi pengemukaan penyata akaun teraudit dsb. kepada Menteri

4

Seksyen

9. Menteri hendaklah menyebabkan penyata akaun teraudit dsb. dibentangkan dalam Parlimen

BAHAGIAN V PERLANJUTAN HAD MASA

10. Menteri boleh memberi perlanjutan had masa

BAHAGIAN VI PELBAGAI

11. Peruntukan peralihan
12. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 240****AKTA BADAN BERKANUN
(AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai had masa tertentu berhubung dengan penyediaan dan pengemukaan penyata akaun untuk di audit bagi semua badan berkanun yang diperbadankan menurut peruntukan undang-undang persekutuan dan pengauditan akaun sedemikian itu, penyediaan dan pengemukaan laporan tahunan tentang aktiviti semua badan berkanun sedemikian itu, mengenai pembentangan dalam setiap Majlis Parlimen akan penyata akaun teraudit dan laporantahunan yang sedemikian itu, dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[8 Ogos 1980]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

**BAHAGIAN I
PERMULAAN****Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 10, terpakai kepada semua badan berkanun mengenai tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31 Disember 1981.

Tafsiran**2. Dalam Akta ini—**

“Badan berkanun” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125];

“Menteri”, berhubung dengan sesuatu badan berkanun, ertinya Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi badan berkanun itu.

BAHAGIAN II
PEMAKAIAN DAN PENTAFSIRAN

Peruntukan Akta terpakai kepada semua badan berkanun

3. Peruntukan Akta ini hendaklah dipakai bagi semua badan berkanun dan hendaklah dibaca bersama dan ditafsirkan sebagai satu dengan peruntukan- undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu pertubuhan perbadanan diperbadankan.

Peruntukan Akta menggantikan undang-undang persekutuan lain yang bercanggah atau tidak selaras

4. (1) Jika sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu pertubuhan perbadanan diperbadankan, maka peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan undang-undang persekutuan yang bercanggah atau tidak selaras itu dan peruntukan- yang disebut terkemudian itu hendaklah ditafsirkan sebagai telah digantikan sebagaimana tersebut.

(2) Peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan yang tidak bercanggah atau tidak selaras dengan peruntukan Akta ini hendaklah terus dipakai.

BAHAGIAN III PENGAUDITAN AKAUN

Had masa bagi penyediaan dan pengemukaan penyata akaun kepada Ketua Audit Negara untuk audit

5. (1) Setiap badan berkanun hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun dan rekod lain yang sempurna mengenai perjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah sebab disediakan penyata bagi akaunnya bagi setiap tahun kewangan dan, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu atau apa-apa tempoh lanjutannya sebagaimana yang diberi di bawah seksyen 9, hendaklah mengemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk audit.

(2) Ketua Audit Negara hendaklah dengan serta-merta menyebabkan penyata akaun itu diaudit.

Peruntukan Akta Audit 1957 dipakai

6. Peruntukan Akta Audit 1957 hendaklah dipakai bagi pengauditan akaun setiap badan berkanun.

BAHAGIAN IV PENGEMUKAAN DAN PEMBENTANGAN AKAUN- DAN LAPORAN TAHUNAN

Had masa bagi pengemukaan penyata akaun teraudit dsb. kepada Menteri

7. Setiap badan berkanun hendaklah, bagi setiap tahun kewangan

dan dalam tempoh satu bulan selepas penerimaan penyata akaunnya yang teraudit dan laporan Ketua Audit Negara atasnya, jika ada, mengemukakannya kepada Menteri beserta dengan laporan aktivitinya.

Menteri hendaklah menyebabkan penyata akaun teraudit dsb. dibentangkan dalam Parlimen

8. Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan setelah menerima penyata akaun teraudit, laporan Ketua Audit Negara atasnya, jika ada, dan laporan tentang aktiviti sesuatu badan berkanun, menyebabkannya dibentangkan dalam setiap Majlis Parlimen.

BAHAGIAN V
PERLANJUTAN HAD MASA

Menteri boleh memberi perlanjutan had masa

9. (1) Jika sesuatu badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata akaunnya untuk audit dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan bagi akaun itu, maka badan berkanun itu hendaklah, sebelum tamatnya had masa itu, memohon secara bertulis kepada Menteri untuk perlanjutannya dan hendaklah juga menyatakan sebab memohon perlanjutan itu.

(2) Jika sesuatu badan berkanun memohon di bawah subseksyen (1) perlanjutan had masa enam bulan itu, Menteri boleh, jika ia berpuas hati dengan sebab membuat permohonan itu, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa perlanjutan had masa sebagaimana yang difikirkannya perlu tetapi perlanjutan itu tidak boleh bagaimanapun melebihi tiga bulan pada agregatnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan, dan badan berkanun itu hendaklah kemudian mengemukakan penyata akaunnya untuk audit dalam had masa yang dilanjutkan itu.

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

Peruntukan peralihan

10. (1) Jika, pada tarikh tersiarnya Akta ini dalam Warta, sesuatu badan berkanun belum lagi, bagi mana-mana tahun kewangannya yang berakhir pada atau sebelum 31 Disember 1980—

- (a) menyebabkan penyata akaunnya diaudit; atau
- (b) menyediakan laporan tahunan tentang aktivitinya, mengikut peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya ia diperbadankan, maka badan berkanun yang sedemikian itu hendaklah, pada atau sebelum 31 Disember 1981, menyebabkan akaunnya diaudit dan hendaklah menyediakan laporan tahunan tentang aktivitinya mengikut peruntukan undang-undang persekutuan itu.

(2) Peruntukan seksyen 7 dan 8—

- (a) hendaklah kemudian daripada itu terpakai bagi penyata akaun teraudit dan laporan tahunan tentang aktiviti yang sedemikian itu;
- (b) hendaklah juga terpakai bagi penyata akaun lain dan laporan tahunan tentang aktiviti sesuatu badan berkanun bagi tahuntahun kewangan yang berakhir pada atau sebelum 31 Disember 1980 yang telah diaudit dan disediakan, mengikut mana yang berkenaan, sebelum dari tarikh tersiarnya Akta ini dalam Warta tetapi yang belum lagi, pada tarikh tersebut, dikemukakan kepada Menteri atau dibentangkan dalam mana-mana satu atau kedua-dua Majlis Parlimen mengikut peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya badan berkanun yang berkenaan itu ditubuhkan.

Menteri boleh membuat kaedah-kaedah

11. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), kaedah-kaedah yang sedemikian itu boleh-

- (a) membuat peruntukan mengenai kuasa, fungsi, tugas dan tanggungjawab ahli lembaga pengurus dan pegawai serta penjawat sesuatu badan berkanun berhubung dengan akaun dan rekod lain mengenai perjalanan badan berkanun itu; dan
 - (b) menetapkan garis panduan mengenai prinsip perakaunan yang diakui umum, polisi perakaunan dan perkara lain bersifat perakaunan atau kewangan berhubung dengan akaun sesuatu badan berkanun.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 240****AKTA BADAN BERKANUN
(AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang
meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

- TIADA -

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 240

**AKTA BADAN BERKANUN
(AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

- TIADA -
